

Panduan untuk Pesakit dan Keluarga

Rawatan Tali Pusat Granuloma



Apakah itu tali pusat granuloma?

Tali pusat granuloma adalah ketumbuhan tisu lembab yang berwarna kemerahan dan ia boleh terbentuk pada pusat bayi selepas tali pusat kering dan tanggal. Tanpa rawatan, keadaan ini boleh mengeluarkan cecair yang menyebabkan kulit sekelilingnya kelihatan merah dan kerengsaan.

Bagaimanakah tali pusat granuloma dirawat?

Granuloma boleh dirawat dengan menggunakan perak nitrat. Perak nitrat berfungsi mengeringkan granuloma tanpa menyebabkan kesakitan.

Lazimnya, rawatan perlu diberikan lebih daripada sekali. Anda mungkin akan melihat perubahan warna pada granuloma selepas rawatan.

Bagaimanakah menjaga bayi selepas rawatan?

Selepas jururawat merawat granuloma tali pusat bayi, anda disarankan untuk mengambil langkah-langkah penjagaan berikut:



Cuci tangan sebelum dan selepas membersihkan kawasan pusat bayi bagi mengelakkan jangkitan



Pastikan bahagian pusat sentiasa bersih dan kering



Pastikan lampin bayi dilipat di bawah pusat sehingga granuloma itu sembuh



Menghadiri semua susulan temu janji doctor agar rawatan granuloma tali pusat boleh diulangkan

Bilakah perlu berjumpa doktor?

Jumpa doctor anda jika:

- Bayi mengalami demam atau tidak sihat
- Terdapat perubahan warna pada kulit sekeliling pusat bayi
- Pusat atau kawasan sekitarnya dijangkiti yang boleh dikenal pasti melalui tanda-tanda berikut:
 - Ia kelihatan merah atau bengkak
 - Ada bau busuk
 - Kelihatan cecair dari pusat

